

**Penyokong Facebook anti-menara melepasi 100,000  
Malaysiakini.com  
October 22, 2010**

Sebuah laman *Facebook* untuk membantah rancangan pembinaan menara 'Warisan Merdeka' setinggi 100 tingkat di ibunegara, mendapat sokongan lebih 100,000 peminat dalam masa tidak sampai seminggu.

Laman '1M Malaysia Reject 100-story Mega Tower' yang diwujudkan Sabtu lalu - sehari selepas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan projek bernilai RM5 bilion itu dalam ucapan bajet 2011 - telah mengumpulkan 101,327 penyokong sehingga jam 9.50 malam ini.

Ia mensasarkan satu juta penyokong dalam beberapa minggu akan datang.

Pertambahan jumlah penyokong itu merupakan petunjuk peningkatan kritikan rakyat Malaysia yang mahu wang tersebut dibelanjakan untuk tujuan lain.

Bangunan Warisan Merdeka' itu akan menjadi menara tertinggi di Malaysia, jauh melebihi ikon Petronas - Menara Berkembar setinggi 88 tingkat yang siap dibina pada 1998 - dan pernah menjadi yang tertinggi di dunia.

Dua hari lalu, pencipta laman tersebut, yang tidak mahu namanya disiarkan, menuduh *Facebook* menyekat akses ke laman tersebut.

Mereka mengatakan disekat daripada meletakkan sebarang mesej.

Bagaimanapun, akses mereka dipulihkan setelah laman itu dikategorikan semula oleh *Facebook* sebagai laman komuniti dan bukannya laman peminat.

Menurut *Facebook*, laman peminat hanya boleh mewakili individu, jenama atau organisasi tertentu.

Tetapi pemilik laman anti-menara itu bertegas bahawa mereka memang dari mula lagi, telah mendaftarkannya sebagai laman komuniti.

Dua laman Facebook pro-menara

Sementara itu, terdapat dua laman *Facebook* pro-menara - 'Kami Sokong Menara Warisan' - dengan 251 penyokong, dan 'I See the Benefits of PNB's 100-story Tower' dengan 38 penyokong.

Rancangan untuk projek mega itu, yang akan dibina dan dibiayai oleh syarikat kaitan kerajaan - Permodalan Nasional Bhd (PNB) - terdiri daripada tiga fasa dan dijadual siap pada 2020.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/146157>

